

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

14. Adakah Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan khas untuk ADUN untuk membantu rakyat yang memerlukan bantuan segera seperti pendidikan, bantuan perubatan dan bantuan kecemasan ketika kawalan pergerakan COVID-19 dan lain-lain bencana? .

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

14. Kerajaan Negeri telah menyediakan Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) dengan implikasi kewangan sebanyak RM75 juta bagi menangani kesan wabak COVID-19 di Negeri Pulau Pinang.

Salah satu daripada bantuan yang disediakan di bawah pakej tersebut ialah bayaran tambahan peruntukan khas kepada setiap ADUN berjumlah RM30,000.00 bagi memudahkan YB. ADUN memberikan bantuan segera dan kecemasan kepada masyarakat di KADUN masing-masing yang terkesan berikutan penularan wabak COVID-19.

Peruntukan tambahan RM30,000.00 adalah sebagai tambahan kepada peruntukan khas yang telah pun diluluskan bagi tahun 2020 yang akan disalurkan secara berperingkat kepada setiap YB. ADUN sebanyak RM50,000 pada bulan April 2020.